



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **“MENGEKALKAN ROH RAMADHAN” TEMA MAJLIS RAMAH MESRA KPWKM**

**PUTRAJAYA , 2 JULAI** – YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail telah menghadiri majlis ramah mesra yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertempat di Lapangan berumput antara KPWKM dan KPKT, Putrajaya yang bertemakan “Mengekalkan Roh Ramadhan”,

Tarbiah Ramadhan mempunyai empat objektif utama iaitu untuk mendidik kesabaran, mendidik disiplin, mendidik kejujuran dan mendidik kepedulian terhadap sesama kita. Tarbiah yang dilalui diharap dapat memberi satu kesan yang signifikan dalam kehidupan kita dengan menghayati Islam sebagai agama yang syumul. Apabila menjelang Aidilfitri, umat Islam menjadi suci daripada dosa kerana madrasah Ramadhan telah menyucikan dan membersihkan segala dosa kita. Namun, jangan lah kita kecundang dan gagal mendapat pengiktirafan madrasah Ramadhan apabila kita kembali kepada sikap-sikap negatif yang diamalkan sebelum Ramadhan.

Pengekalan roh Ramadhan ini diharap dapat diterapkan ke dalam struktur organisasi KPWKM. Kunci utama organisasi terbilang dan cemerlang adalah kerjasama dan bersatu hati tidak kira pangkat, bangsa, agama dan fahaman politik. Aidilfitri adalah medan terbaik untuk melupakan sengketa dan perselisihan faham dan seterusnya mengukuhkan kerjasama antara individu dan bahagian-bahagian di KPWKM.

Dalam kemeriahan menyambut Syawal, umat Islam hendaklah meraikan dengan penuh kesederhanaan dan tidak boros. Bersederhanalah dalam berbelanja dan jangan mengamalkan gaya hidup yang melampaui kemampuan diri sendiri sehingga terperangkap dengan beban hutang sehingga mencetuskan pergolakan dalam institusi kekeluargaan. Di samping itu juga, elakkan daripada membazir makanan dan bersederhanalah dalam menyediakan juadah makanan.

YAB Dato' Seri Dr.Wan Azizah Dr.Wan Ismail dalam ucapannya berkata “ Kerajaan sentiasa prihatin dan komited untuk membantu golongan seperti keluarga daif dan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal, warga emas serta anak- anak yatim yang memerlukan pembelaan dan perhatian kita sepanjang masa dan ini tidak terhad pada bulan Ramadhan sahaja. Janji kerajaan untuk meringankan bebanan hidup kumpulan sasar ini akan sentiasa diberi perhatian”.

Ledakan teknologi maklumat yang luar biasa menyebabkan kita lupa kaedah berinteraksi terus dengan orang-orang terdekat termasuk ahli keluarga. Justeru, perkembangan teknologi pada hari ini harus diurus dengan baik agar kemeriahan musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri tidak tercemar. Aidilfitri inilah masanya kita mendekatkan silaturrahim sesama ahli keluarga, saudara mara, jiran tetangga dan rakan taulan.

Akhir kata, semoga kita semua dapat menghidupkan dan mengekalkan roh Ramadhan sepanjang tahun dan semoga komitmen kita semua di KPWKM dalam membela dan menjaga kebajikan kumpulan sasar menjadi satu ibadah yang diterima di sisi Tuhan. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Disediakan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**PUTRAJAYA**

Tel: 03-8323 1088

Email: [info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)